

**DEWAN RAKYAT
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2020)**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN YEO BEE YIN (BAKRI)

TARIKH : 11 OGOS 2020 (SELASA)

SOALAN

PUAN YEO BEE YIN [BAKRI] minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan sama ada suspek-suspek pencemaran Sg. Kim Kim telah didakwa di mahkamah dan apakah status pendakwaan terkini serta status kalibrasi realtime alert system untuk memberi amaran pencemaran awal di Pasir Gudang.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Pihak yang disyaki yang menyebabkan pencemaran Sungai Kim Kim telah dituduh di bawah Seksyen 34B, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih) 2014 dan Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005.
2. Sebutan kes pertama telah bermula pada 24 Mac 2019. Manakala perbicaraan telah dijalankan pada 3 Disember 2019 dan kes akan disambung perbicaraannya pada 1 September 2020.
3. Bagi status kalibrasi *realtime alert system* (RAS), di Pasir Gudang, Johor telah siap dikalibrasi pada bulan Februari 2020 dengan had bacaan bagi Jumlah Sebatian Organik Meruap (*Total Volatile Organic Compound* - TVOC)

pada 1 ppm (*parts per million*). Manakala penyelenggaraan stesen dijalankan setiap 3 bulan sekali.

4. Dalam sistem RAS, had yang ditetapkan (*threshold*) adalah 1 ppm dan sekiranya bacaan TVOC melebihi had berkenaan, ia akan secara automatik mengaktifkan sistem amaran. Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan agensi yang berkaitan akan terus mengambil tindakan segera menangani krisis seumpama ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat,

5. Ini amat penting kerana dengan adanya sistem seumpama ini, tindakan segera dan pantas akan diambil oleh Kementerian Alam Sekitar dan Air melalui JAS. Disamping itu agensi-agensi lain yang berkaitan juga akan bertindak untuk bersama-sama memastikan impak yang minima terhadap keselamatan dan kesihatan penduduk-penduduk di sekitar kawasan berkenaan.

Sekian, terima kasih.